



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA



SIARAN MEDIA

CYBERSECURITY MALAYSIA LANCAR MAKMAL UJIAN KESELAMATAN SIBER 5G ASIA TENGGARA

CYBERJAYA, 14 DISEMBER 2021 – Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Anuar Haji Musa hari ini melancarkan **Makmal Ujian Keselamatan Siber 5G (My5G), Modul Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan (MKKSN) dan Program Galakan Pemerkasaan Keselamatan Siber Malaysia (PGPKS).**

Pelancaran ini selaras dengan usaha CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), dalam memperkukuhkan transformasi siber negara agar terus berdaya tahan dan diadakan bersempena dengan **Cyber Security Malaysia – Awards, Conference & Exhibition (CSM-ACE) 2021** bertemakan **'#Cyber Transform'**, yang merupakan acara tahunan keselamatan siber berasaskan perkongsian awam-swasta.

Makmal Ujian Keselamatan Siber 5G atau **My5G** merupakan makmal ujian kemudahan penilaian dan keselamatan pakar pertama di Asia Tenggara untuk produk, peranti dan aplikasi 5G. Makmal tersebut dibina di CyberSecurity Malaysia, Cyberjaya dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2023.

Tan Sri Anuar dalam ucap tamanya berkata, Kerajaan memainkan peranan penting dalam menyediakan rangka kerja keselamatan siber dan memastikan pengendali 5G serta penyedia teknologi di Malaysia mengekalkan keselamatan perkhidmatan mereka. Pelancaran Makmal Ujian Keselamatan Siber 5G merupakan satu langkah besar ke arah memperkukuhkan keupayaan keselamatan siber negara sebagai persediaan untuk pelancaran 5G.



CyberSecurity Malaysia
200601006881 (726630-U)



T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

Tan Sri Annuar juga menggesa organisasi di Malaysia untuk terus memperkukuhkan daya tahan keselamatan siber melalui Transformasi Siber kerana Transformasi Digital akan memacu penggunaan pelbagai teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) yang terdedah kepada ancaman siber. Transformasi Siber meningkatkan pertumbuhan perniagaan dan kecekapan selain mengurangkan risiko siber serta mencipta peluang melalui penggunaan teknologi digital baharu.

“Ancaman siber sentiasa berevolusi. Maka, kita perlu mengambil pendekatan yang lebih holistik untuk memastikan elemen berkaitan manusia, proses dan teknologi dapat diselaraskan dengan pengurusan risiko siber yang berkesan”, tambah beliau lagi.

CyberSecurity Malaysia turut memperkenalkan dua inisiatif utama dalam usaha mengukuhkan daya tahan siber komuniti Keluarga Malaysia dan juga sektor perniagaan. **Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional (MKKSN)** merupakan modul pembelajaran dan pengajaran mengenai kesedaran keselamatan siber secara dalam talian yang mensasarkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP).

Melalui pelaksanaan MKKSN, ia dapat melahirkan murid sekolah yang beretika serta beradab ketika melayari internet, meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber dalam kalangan murid serta berupaya mengurangkan impak negatif dalam kalangan murid seperti gangguan emosi, gangguan kesihatan, keciciran dalam pelajaran serta berkelakuan negatif, kasar dan biadap semasa dalam talian.

Program Galakan Pemerksaan Keselamatan Siber Malaysia (PGPKS) pula adalah program bantuan sasaran yang menawarkan pemeriksaan kesihatan keselamatan siber komprehensif bagi membantu sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menghadapi ancaman siber. Program ini dijangka dapat memanfaatkan sehingga 300 PKS tempatan yang banyak bergantung kepada ICT dalam operasi harian mereka.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Bin Mohamed (Bersara) dalam ucapannya menekankan bahawa terdapat keperluan untuk Malaysia mempercepatkan pembangunan kapasiti dalam bidang keselamatan siber sebagai usaha siap siaga menghadapi ancaman siber yang berkembang dalam persekitaran rangkaian 5G.

“Latihan kecekapan mengenai keperluan utama, keupayaan, senario penggunaan dan inovasi 5G adalah penting ketika Malaysia bersedia untuk pelancaran rangkaian 5G. Para profesional keselamatan siber generasi akan datang perlu menyedari bahawa ancaman siber baharu akan muncul apabila teknologi 5G diterima pakai bersama-sama dengan aplikasi, perkhidmatan dan kes penggunaan baharu,” kata Tan Sri Mohd Azumi.

CSM-ACE edisi ke-12 yang berlangsung bermula 14 hingga 17 Disember 2021 diadakan secara hibrid dan dihadiri oleh profesional keselamatan siber, pemimpin industri, pelabur teknologi, ahli akademik dan pegawai kerajaan. Persidangan akan menyaksikan beberapa simposium khusus industri dan perbincangan panel serta pameran kerjaya keselamatan siber.

Pada majlis itu juga turut disampaikan Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2021 kepada organisasi dan individu (senarai seperti di lampiran) yang telah menyumbang secara signifikan kepada industri keselamatan maklumat dan keselamatan siber Malaysia.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.
Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999
Mohd Shamil Mohd Yusoff (samb: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (samb: 7242)